

BULETIN TSHO

INSTUN, BEHRANG ULU, TANJUNG MALIM, PERAK



Balai Cerap Tan Sri Harussani (TSHO)

PENULIS: SR ZAKARIA ABDULLAH & SR FAUZANI BINTI AZAM

TSHO, INSTUN

Rekabentuk TSHO, INSTUN terdiri daripada sebuah bangunan dua tingkat dengan dilengkapi tiga (3) lokasi cerapan objek langit iaitu *dome*, *roll off roof* dan dataran cerapan. Konsep rekabentuk balai cerap ini diinspirasi daripada Scottish Dark Sky Observatory yang terletak di Scotland.

TSHO telah dibina di atas tapak seluas 9621.69m² dengan keluasan bangunan adalah 840.31m². TSHO telah siap sepenuhnya pada 5 Julai 2023 dan telah dirasmikan oleh DYMM Sultan Perak Darul Ridzuan pada 3 Oktober 2023.


PROGRAM CERAPAN MALAM ANJURAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) DI INSTITUT KEPIMPINAN DAN PEMBANGUNAN (ILD), KAMPUNG GAJAH, PERAK DARUL RIDZUAN

TAHUKAH ANDA BILA PENEROKAAN ANGKASA BERMULA?

Bermula pada tahun 1944 oleh pihak Jerman	PELANCARANROKET V-2 TAHUN 1944 PERISTIWA: JERMAN MELANCARKAN ROKET V-2, YANG MERUPAKAN PELUNCUR PERTAMA YANG MENCAIPI ALTITUD TINGGI DAN MENJADI ASAS TEKNOLOGI ROKET.	PELANCARANSPUTNIK 2 TAHUN 1957 PERISTIWA: PADA 3 NOVEMBER, KESATUAN SOVIET MELANCARKAN SPUTNIK 2, YANG MEMBAWA ANJING LAIKA SEBAGAI HAIWAN PERTAMA, DALAM ANGKASA LEPAS.
Seterusnya pada 4 Okt dan 3 Nov 1957 oleh Kesatuan Soviet	PELANCARANSPUTNIK 1 TAHUN 1957 PERISTIWA: PADA 4 OKTOBER, KESATUAN SOVIET MELANCARKAN SPUTNIK 1, SATELIT BUATAN PERTAMA YANG MENGORBIT BUMI. INI MENANDAKAN PERMULAAN SPACE RACE DAN MENCETUSKAN KRISIS SPUTNIK DI AMERIKA SYARIKAT.	PELANCARANEXPLORER 1 TAHUN 1958 PERISTIWA: PADA 31 JANUARI, AMERIKA SYARIKAT MELANCARKAN EXPLORER 1, SATELIT PERTAMA MEREKA, YANG MENGESAN RADIASI VAN ALLEN.

Amerika Syarikat pada 31 Jan 1957

FB LIVE BICARA UKUR BILANGAN 13
“SANTAI DI BALAI CERAP TAN SRI
HARUSSANI, INSTUN” PADA 21 OGOS 2024



LAWATAN CIK NURDIANA BINTI JAMAL
ROZI PELAJAR SARJANA DARIPADA
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA KE TSHO
PADA 19 OGOS 2024



SERAHAN BAJU RASMI TSHO DI PEJABAT
PENGARAH INSTUN

Serahan baju rasmi aktiviti-aktiviti TSHO kepada
Pengarah INSTUN oleh Sr Fauzani binti Azam,
Ketua Program Ukur Geodetik



Tinta Penulis

BULETIN DIGITAL TSHO menjemput para penulis
untuk menyumbang penulisan berkaitan Astronomi
dan Sains Angkasa. Penulisan hendaklah tidak lebih
dari 500 patah perkataan dan dihantar ke
zakaria@instun.gov.my. Penulisan yang terpilih
akan menerima saguhati dan diterbitkan di ruangan
Tinta Penulis.

Untuk maklumat lanjut, hubungi:
Sr Zakaria bin Abdullah
zakaria@instun.gov.my
019-3220274

PENENTUAN ARAH UTARA DI *DOME*
DAN RORO TSHO BERSAMA ENCIK
MAHRUZAMAN BIN MISRAN,
PENGURUS KELAB FALAK NEGERI
PERAK PADA 3 SEPTEMBER 2024



FAKTA ASTRO



Planet Zuhrah

Zuhrah adalah planet kedua terdekat dengan
Matahari dan dikenali sebagai "saudara kembar"
kepada Bumi kerana saiz dan komposisinya yang
hampir sama. Zuhrah adalah planet yang paling
panas dalam sistem suria dengan suhu permukaan
475°C. Zuhrah mengambil masa sekitar 225 hari
Bumi untuk mengelilingi Matahari, tetapi ia
mempunyai rotasi yang sangat perlahan dan dalam
arah bertentangan (*retrograde*), mengambil masa
243 hari Bumi untuk satu pusingan. Zuhrah
mempunyai atmosfera yang sangat tebal dan terdiri
daripada CO², dengan awan H₂SO₄ (asid sulfurik)
yang tebal. Atmosfera ini menyebabkan kesan rumah
hijau yang melampau.